

05/03/2003

`Kenapa kami keluar Pas beramai-ramai'

Zulkofli Jamaludin

PERISYTIHARAN `kenapa kami bertindak keluar Pas beramai-ramai' oleh 2,000 ahli Pas di Masjid Assalam, Kampung Gong Kemuntong, Besut, Terengganu dua minggu lalu, dilihat menjadi pemangkin kebangkitan rakyat menyatakan bantahan terhadap kelemahan pentadbiran kerajaan Pas Terengganu.

Susulan daripada pengisytiharan itu, satu ceramah diadakan di Kampung Padang Luas Dalam, Besut, Jumaat lalu bagi menjelaskan kepada rakyat, khususnya ahli dan penyokong Pas, mengapa mereka harus keluar daripada kepompong parti berkenaan.

Sepanjang tiga kilometer ke kampung yang menjadi kubu kuat Pas itu, bendera Umno berkibar megah manakala dua poster Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berpelukan dengan Pengerusi DAP, Lim Kit Siang, menghiasi pentas penceramah.

"Inilah yang kita tidak dapat terima Pas. Mereka sanggup mengecam Umno yang mewujudkan kerjasama Barisan Nasional tetapi Abdul Hadi berpelukan dan bersekongkol dengan DAP untuk meraih sokongan rakyat.

"Perjuangan Pas seharusnya berakhir apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Inilah yang diperjuangkan oleh Pas selama ini," kata bekas Ketua Pas kawasan Besut, Abdul Latif Mohamad.

Beliau yang juga bekas Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Jertih dan pernah ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), berjanji mendedahkan pelbagai pembohongan dan kemungkaran Pas terhadap masyarakat Islam di negeri ini.

Pada malam itu, tiga bekas pemimpin Pas berucap menjelaskan mengapa mereka keluar parti selain seorang penceramah bebas dan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh.

Berbeza dengan majlis yang dianjurkan Umno sebelum ini, pada malam itu lebih 4,000 orang datang atas kerelaan sendiri dengan menaiki kereta dan motosikal untuk mendengar penjelasan sehingga jalan di kampung itu sesak dengan kenderaan.

Tiada bas atau van digunakan untuk mengangkut penduduk bagi meramaikan majlis yang diadakan di rumah bekas ahli Pas, sebaliknya kehadiran mereka disebabkan keinsafan dan tanggungjawab untuk membetulkan tanggapan salah terhadap Umno selama ini.

Walaupun mereka yang mengisytiharkan keluar Pas belum menyerahkan borang menyertai Umno, semangat yang ditunjukkan boleh menjadi pemangkin kepada ahli Umno supaya mendekati ahli dan penyokong Pas untuk menjelaskan dasar perjuangan parti.

Golongan itu sebelum ini hanya mendengar dakwah pembangkang dan menjadi penyokong setia parti berkenaan tanpa mengetahui pemimpin mereka tidak bergerak pada landasan yang betul.

Berikutan itu, inisiatif Abdul Latif dan bekas pemimpin Pas lain untuk menjelaskan kepada rakyat di seluruh Terengganu mengenai kepincangan Pas perlu diberi sokongan dan tidak dilihat sebagai cuba mencari kedudukan dalam Umno.

Malah, mereka tidak harus dibiarkan bergerak bersendirian, sebaliknya berganding bahu dengan pemimpin Umno di semua lapan bahagian bagi menceritakan pengalaman buruk mereka bersama Pas sehingga membawa mereka menyokong Umno.

Di sebalik keghairahan bekas ahli dan penyokong Pas menyusun majlis penerangan, pemimpin Umno pada peringkat cawangan tidak harus mengambil

sikap lepas tangan sehingga usaha itu terbantut.

Teguran Idris terhadap pemimpin cawangan Umno yang gagal menghadiri perasmian mesyuarat berkelompok cawangan dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Jertih minggu lalu perlu diberi perhatian supaya bangkit segera mengukuhkan parti.

Jumlah kehadiran pada majlis itu begitu mendukacitakan apabila hanya 18 daripada 45 ketua cawangan hadir dan masalah berkenaan tidak sepatutnya berlaku kerana Umno memerlukan kerjasama padu daripada semua pemimpin dan ahli cawangan untuk menawan semula Terengganu.

Persoalannya, bagaimana Umno hendak melaksanakan agenda lebih besar kalau perasmian berkelompok gagal dihadiri ketua cawangan sedangkan pada pilihan raya umum lalu, BN tewas di DUN berkenaan dengan majoriti terbesar dalam Parlimen Besut, iaitu 1,464 undi.

Berikutan itu, ahli Umno perlu lebih fokus kepada pengundi bagi memastikan setiap program yang dianjurkan disertai semua lapisan masyarakat serta ahli peringkat akar umbi.

Mereka tidak harus menganggap BN sudah selesa dan dapat menang mudah dengan kemasukan bekas ahli dan pemimpin Pas serta jangan terlalu memikirkan mengenai calon yang bakal bertanding pada pilihan raya umum nanti.